

24 SEP 1997

Ling - Plat

KERAJAAN AKAN SWASTAKAN PENDAFTARAN PENGELUARAN PLAT PERIBADI

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan menswastakan pengeluaran plat peribadi nombor pendaftaran kenderaan akhir tahun ini, kata Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Beliau berkata para pegawainya kini sedang mengadakan rundingan terakhir dengan syarikat terbabit.

Penswastaan itu akan diadakan dalam tahun ini juga dan sebuah syarikat swasta akan mengambil-alih tugas itu, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kabinet di pejabatnya di sini hari ini.

Beliau berkata apabila plat peribadi itu dikeluarkan para pemohon boleh mendapatkannya melalui tender.

Melalui pendaftaran plat peribadi pemilik kenderaan akan dibenarkan menggunakan nombor peribadi dengan kombinasi huruf dan perkataan yang tidak melebihi 10 abjad dan angka.

Mengenai harga nombor plat peribadi seumpama itu, Dr Ling berkata beliau tidak dapat memastikannya tetapi biasanya nombor satu angka seperti nombor satu lebih mahal daripada nombor-nombor lain.

Katanya, beliau yakin apa-apa perkataanpun yang digunakan ia tidak akan menjejaskan moral dan nama baik seseorang atau negara.

Mengenai cara, bagaimana kerajaan hendak mengatasi masalah kesesakan di bandaraya Kuala Lumpur sekarang, beliau berkata yang berkesan ialah dengan cara berkongsi kereta.

Beliau berkata apabila cara ini berjaya ia akan mengurangkan sebanyak 30 peratus kenderaan di Kuala Lumpur dan ini membolehkan laluan pengangkutan awam bertambah licin.

Katanya usaha lain ialah dengan mengurangkan tempat letak kereta di luar bangunan dan mengenakan kadar bayaran letak kereta yang tinggi.

Mengenai jerebu, beliau mengulangi gesaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir semalam iaitu orang ramai patut bekerjasama dengan kerajaan dalam usaha ini termasuk jangan membakar sampah secara terbuka.

Katanya pihak swasta dan pemandu juga perlu memainkan peranan supaya kilang dan kenderaan yang mengeluarkan asap terlalu banyak dapat dikurangkan. -- Bernama

HT oba